

Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)

International Journal of Malay Letters

Jilid 1/Jan/2013, 1-20

ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia
Budiman Writers Association of Malaysia

**ASAS PEMBINAAN TEORI SASTERA OLEH SARJANA SASTERA
DI MALAYSIA
*THE BASIS OF MAKING LITERARY THEORY BY MALAYSIAN
LITERARY SCHOLARS***

*Abdul Halim Ali**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Khalid Ismail

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

ABSTRAK

Kemunculan teori-teori sastera janaan sarjana sastera Melayu merupakan satu fenomena baharu dalam dunia sastera di Malaysia. Kemunculan teori-teori difaktorkan oleh kelemahan-kelemahan teori sastera Barat yang disifatkan oleh beberapa sarjana Sastera Melayu di Malaysia sebagai tidak dapat menjelaskan makna dalam sesebuah teks hasil karya penulis Melayu Islam, atas alasan teori-teori sastera Barat tidak menitikberatkan aspek agama dan elemen jati diri Melayu. Makalah ini bertujuan untuk memperincikan asas-asas pembinaan teori sastera yang dijana oleh sarjana sastera di Malaysia dan sejauh manakah asas pembinaan teori sejajar dengan agama Islam dan sifat jati diri Melayu. Daripada kajian kepustakaan, terdapat empat asas yang dijadikan sandaran teori, iaitu Islam, Melayu, estetika, bahasa dan potensi kreatif. Teori Takmilah dan Persuratan Baharu berasaskan kepada Islam;

Pengkaedahan Melayu berasaskan kepada Melayu dan Islam; Teksdealisme berteraskan potensi kreatif, teori Konseptual Kata Kunci berteraskan bahasa dan teori Rasa-Fenomenologi berteraskan Fenomenologi dan estetik. Teks sandaran penteorinya semuanya bersandarkan teks-teks Melayu dan tokoh-tokoh penulis Melayu, kecuali teori Rasa-Fenomenologi dan teori Konseptual Kata Kunci. Hasil kajian juga ini menunjukkan bahawa teori-teori sastera yang dibina oleh sarjana Melayu di Malaysia tidak sepenuhnya dapat membebaskan diri daripada pengaruh teori Barat meskipun dalam masa yang sama berjaya menampakkan unsur jati diri Melayu dan Islam.

Kata Kunci: Jati diri, Melayu, Islam, Mandiri

ABSTRACT

The proliferation of literary theories by Malay scholars is a new phenomenon in the Malaysian literary world. These theories are mainly reactions against the perceived inadequacies of Western literary theories to fully define and provide meanings to texts written by Malay-Muslim writers. The main justification given is that Western theories pay scant attention to the religious and self-definitive aspects of the Malay world. This paper attempts to provide the finer details of the basis from which the literary theories are formulated and to understand the extent of their relationships with religious and self-definitive aspects of the Malay world. This paper is a library research that advances four assumptions that underlie the theories: Islam, Malay, aesthetics, language and creative potentials. Takmilah theory and Persuratan Baru are based on Islamic principles; Pengkaedahan Melayu on Malay values and Islamic principles; Teksdealism is articulated based on creative potentials, the Konseptual Kata Kunci theory on language and the Rasa-Fenomenologi theory is developed through phenomenology and aesthetics principles. All texts analysed are Malay texts and written by Malay scholars, except for the Rasa-Fenomenologi theory and Konseptual Kata Kunci theory. Research findings explain

that Malay theories are susceptible to the influence of Western literary theories although they manage to explore and rationalize ties that bind the theories with the Malay world and Islam.

Keywords: Self-definition, Malay, Islam, Self worth

PENGENALAN

Secara umum, teori-teori moden kesusasteraan dari Barat sudah memasuki kesusasteraan Melayu di Malaysia sejak awal tahun 1950an. Kehadiran ini agak terkemudian berbanding dengan perkembangan kritikan yang bermula lebih awal daripada, iaitu sekitar tahun 1930 dan 1940-an. Walau bagaimanapun, kritikan sastera yang timbul dalam tahap awal ini berlaku secara kecil-kecilan dan tidak memiliki nilai yang tinggi (Hashim Awang,1997:103).

Dalam tahun 1960-an hingga 1980-an, teori-teori sastera Barat mula bertapak dan menjadi sebahagian daripada keluarga sastera Melayu. Ramailah pula dalam kalangan para penulis, pengkritik dan pembicara sastera Melayu yang mampu menguasai dan menjadi penganutnya. Teori-teori ini dipraktik dan disebarikan dalam kalangan kritikawan muda generasi terkemudian sama ada melalui kuliah, bengkel atau tulisan kritikan mereka (Sahlan Mohd Saman, 1997:192). Hampir tiga puluh tahun teori-teori kesusasteraan Barat menghegemoni kesusasteraan Melayu khususnya dalam bidang teori dan kritikan, baharulah para sarjana Melayu Islam menyedari terdapat banyak kelemahan teori-teori berkenaan. Hashim Awang (1997) menjelaskan bahawa teori-teori kesusasteraan Barat tidak lengkap, bersifat berat sebelah dan memberi perhatian kepada satu-satu aspek sahaja. Mana Sikana (1998) pula melihat dominasi teori-teori Barat dalam kesusasteraan Melayu sebagai sesuatu yang tidak wajar kerana teori-teori sastera Barat memancarkan konsepsi sastera Melayu yang tidak jati diri dan kurang seiring dengan konteks sosiobudaya di negara ini.

Kesedaran kepada perlunya memiliki teori sastera dan teori kritikan Melayu mula membenih suasana. Kecenderungan untuk menggunakan pendekatan baharu ini terus hidup dan berlanjutan.

Mula kedengaran suara lantang yang menyeru agar kritikan sastera haruslah diterapkan dengan nilai-nilai keagamaan, tegasnya nilai-nilai keislaman (Hashim Awang.1997:113). Polemik kesusasteraan Islam antara Shahnnon dan Kasim Ahamd pada penghujung tahun 1970-an telah mencetus benih teoretikal dalam kerangka pembinaan teori-teori kesusasteraan Melayu berasaskan Islam dan jati diri Melayu di negara ini. Manakala, pada penghujung tahun 1989, muncullah gagasan teoretikal tentang makna kesusasteraan Melayu yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh hasil daripada kajian yang dilakukannya. Kemudian muncul pula Hashim Awang dengan Pengkaedahan Melayu, Shafie Abu Bakar dengan teori Takmilah, Mana Sikana dengan teori Teksdealisme dan Mohd Affandi Hassan dengan Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid. Sohaimi Abd Aziz turut menyumbang pembangunan dan perkembangan teori kesusasteraan Melayu dengan mengemukakan teori Rasa-Fenomenologi. Perkembangan ini berjaya menumbuh dan menghidupkan satu cabang ilmu pengajian kesusasteraan Melayu, khususnya dalam bidang teori dan kritikan sastera (Abdul Halim Ali, 2001).

Islam Sebagai Asas Pembinaan Teori

Teori-teori kesusasteraan Barat disifatkan oleh sarjana Melayu sebagai pincang, terbatas dan berat sebelah. Kepincangan ini tidak hanya diukur pada penilaian tektual, tetapi juga pada aspek-aspek lain yang berada di luar teks. Selepas kematian Matthew Arnold's pada tahun 1888, kritikan sastera di Barat mula berubah. Kritikan mula memberi penekanan kepada aspek biografikal atau sejarah dalam teks (Bressler, C.E., 1999:33). Beberapa kerangka pemikiran Hyppolyte Adolphe Taine dan Henry James kemudiannya digunakan untuk mengkritik teks.

Pada awal abad ke-20, ramai tokoh dan sarjana yang muncul dan terlibat dalam bidang teori dan kritikan sastera di Barat dengan pandangan dan sikap yang berbeza-beza terhadap teks. Mereka mula menolak pendekatan yang bersifat holistik, sebaliknya cenderung kepada satu-satu aspek khusus sahaja (Bressler, C.E.,

1999:34). Aspek tekstual menjadi fokus para sarjana dalam era moden ini, dan menolak aspek sejarah serta aspek-aspek di luar teks seperti pengarang, sistem sosial dan budaya.

Teori-teori sastera Barat seperti Kritikan Baru, Formalisme, Strukturalisme merupakan teori-teori moden yang secara ekstrim menolak campur tangan aspek-aspek lain dalam teks. Teori Formalisme menyingkirkan sepenuhnya unsur-unsur yang tidak bersifat kesusasteraan secara ketat dan bersistem (Jefferson, A. & Robey, D., 1988:27). Mereka mencari dan menggali makna di dalam karya semata-mata. Makna itu dilihat wujud di sebalik aspek-aspek tekstual seperti linguistik, struktur dan hubungan-hubungan yang berlaku secara regulasi di dalam karya. Mereka berpendapat bahawa makna itu umum dan objektif sifatnya termaktub dalam bahasa teks itu sendiri (Eagleton, T., 1988:53).

Berdasarkan senario ini, teori-teori moden kesusasteraan di Barat dapat dikatakan bergerak atas asas tekstual, yakni teks menjadi runtunan teori-teori sastera untuk muncul dan berkembang. Tekstual bermakna menerima teks sebagai rujukan bagi mengeluarkan segala sifat dan fenomena sastera, kemudian menganalisis dan merumuskannya berdasarkan prinsip-prinsip yang ditentukan. Teks sudah dipandang sebagai suatu entiti, yakni suatu struktur atau sistem, dan sistemlah yang menentukan apa-apa fungsi yang perlu dimainkan oleh sesuatu ciri kegayaan itu (Jefferson, A. & Robey, D., 1988:34). Tekstuallah yang mengarah dan menentukan jalan susur kepada segala prinsip dan dasar pemikiran teoritis, manakala aspek-aspek lain seperti sejarah, biografi dan disiplin lain yang berada di luar teks dianggap sebagai tidak mempunyai sebarang pertalian sebab akibat dalam kesusasteraan.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong para sarjana ini mengenakan sempadan yang ketat, antaranya adalah supaya dapat diwujudkan satu sains kesusasteraan yang bebas dan mengkaji bahan kesusasteraan yang khusus. Kedua, mereka tidak mahu kesusasteraan menjadi mangsa kepada disiplin-disiplin ilmu lain yang ada di sekitarnya.

Penafian pengarang, penolakan sejarah dan biografi, menidakkan peranan disiplin-disiplin lain sebagai bertalian atau mempunyai hukum kausaliti dalam kesusasteraan inilah yang dilihat oleh para sarjana sastera Melayu sebagai berat sebelah, terbatas, khusus kepada aspek-aspek tertentu sahaja, yang menyebabkan kajian tidak sempurna (Hashim Awang,1997:103). Asas pembinaannya tidak menggambarkan keluasan dan kefungsian kesusasteraan di dalam dan di luar sempadannya. Jika demikian, bagaimanakah teori-teori ini mampu menelurkan makna-makna yang intrinsik dalam karya-karya penulis Melayu Islam?

Keperluan Teori Kritikan Melayu

Keperluan kepada teori kesusasteraan Melayu berkait rapat dengan kegiatan kritikan sastera Melayu itu sendiri. Dalam konteks ini, definisi kritikan sastera di Barat dan dalam alam Melayu perlu dibezakan. Kritikan adalah wahana sastera yang sangat dinamis sifatnya. Justeru itu, kritikan menyumbangkan peranan yang sangat besar dalam kemajuan dan perkembangan sastera. Kesusasteraan tidak mungkin dapat hidup dengan semata-mata bergantung kepada teorinya, kerana kritikanlah yang `memberi nyawa` kepadanya.

Telah sekian lama kesusasteraan kita hidup bergantung kepada teori sastera dan pendekatan kritikan Barat. Selama itu jugalah pandangan hidup masyarakat Melayu yang terselindung dalam karya-karya sastera Melayu belum benar-benar mampu dibongkar, kerana teori dan kritiknya tidak mencecah kedalaman jati diri Melayu dan Islam. Teori-teori dan pendekatan moden Barat tidak menyediakan ruang dan jalan rintis yang seafdalnya ke arah itu. Dalam era pascamoden, keadaan menjadi lebih tidak menentu dan teori-teorinya pula tidak memberi apa-apa jaminan terhadap apa-apa kepastian yang temui. Justeru itu, definisi kritikan sastera dalam kesusasteraan Melayu perlu kepada penyesuaiannya agar sejajar dengan konteks budaya dan cara hidup masyarakat Melayu itu sendiri. Daripada pemahaman sarjana Barat, kritikan kesusasteraan satu disiplin yang sistematik yang berusaha untuk menjelas, mengkaji, menganalisis, menginterpretasi, menilai dan sesuatu hasil seni (Bressler, C.E., 1999:4). Abrams M.A. (Dlm. Mana

Sikana, 1998) pula menyebutkan kritikan kesusasteraan sebagai satu cabang pengkajian yang berhubung dengan pengertian, penjenisan, penghuraian dan penilaian karya-karya kesusasteraan.

Manakala kritikan sastera Melayu mengikut Ungku Maimunah adalah segala tulisan tentang sastera yang memberi kesan kepada perkembangan kesusasteraan termasuk kepada pembacaan dan penerbitan karya sastera (Rahman Shaari, 1994:11). Ungku Maimunah berpendirian bahawa aspek perkembangan sastera turut dilibatkan sebagai satu pertimbangan yang wajar berdasarkan keadaan-keadaan tertentu yang berlaku dalam kesusasteraan Melayu itu sendiri (Rahman Shaari, 1994:10). Ahmad Kamal Abdullah, *et al* (1990) pula menjelaskan:

'Kritikan harus mengandungi ciri-ciri seperti pengamatan yang kritis, penumpuan terhadap teks sama ada yang tersurat dan tersirat, pemerian apresiasi terhadap keindahan dan kekuatan karya, menilai, membanding, menunjukkan kesalahan dengan niat mempertingkatkan karya, memberi manfaat kepada pembaca dan seluruh peneliti lainnya. Perlakuan itu semestinya dibuat dengan pendekatan-pendekatan tertentu dalam lingkungan kesusasteraan itu sendiri'.

Definisi yang dikemukakan ini adalah hasil adunan definisi kritikan sastera dari Barat yang disesuaikan dengan pandangan dan keperluan khalayak sastera Melayu. Daripada definisi-definisi tersebut juga, kritikan sastera Melayu kelihatan lebih bersifat menyeluruh berbanding makna kritikan sastera dalam kesusasteraan Barat yang lebih menitikberatkan penilaian aspek tekstual sahaja. Penekanan yang diberikan kepada kritikan sastera Melayu ialah pembangunan sastera. Justeru itu, kritikan sastera Melayu tidak semata-mata menyelongkari isi teks, tetapi juga membawa sastera itu sendiri kepada kemajuan-kemajuan sastera dan menghubungkannya dengan aspek-aspek lain yang berada di luar teks.

Di sinilah pentingnya teori kesusasteraan Melayu, yakni untuk memenuhi keperluan dalam bidang kritikan sastera Melayu itu sendiri yang disifatkan oleh Mana Sikana sebagai jati diri dan seiring dengan konteks sosiobudaya negara ini. Teori-teori kesusasteraan dan kritikan Barat tidak mungkin dapat menjangkau ketinggian falsafah kehidupan orang-orang Melayu dan Islam.

Asas Pembinaan Teori Sastera Melayu

Asas dalam konteks tajuk ini bermaksud sandaran pemikiran yang menjadi tempat teori sastera itu diasaskan pembinaannya. Berdasarkan kajian kepustakaan yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa teori-teori kesusasteraan Melayu dibina atas empat asas iaitu, nilai-nilai agama Islam, jati diri Melayu, bahasa dan estetika. Makalah ini memberi tumpuan kepada teori-teori yang dibina berasaskan nilai-nilai Islam dan Melayu bagi menunjukkan kekuatan fundamental teori dalam upaya kritik.

Asas Nilai-nilai Islam

Analisis yang dilakukan menunjukkan dua buah teori dibina berasaskan nilai Islam sepenuhnya, iaitu teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar dan Teori Persuratan Baru oleh Mohd Affandi Hassan. Manakala teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang pula menggabungkan nilai Melayu dan Islam sebagai asas pembinaan. Untuk memahami faktor Islam sebagai asas pembinaan teori, perbincangan ini menyelusuri perkembangan awal pengaruh Islam dalam kesusasteraan Melayu pada awal tahun-tahun 1980-an.

Isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam telah lama muncul dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional. Menurut Ismail Hamid (1990) dorongan dakwah dan penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu lama telah menyumbang kepada kelahiran sastera Melayu yang bercorak Islam. Kebanyakan karya adalah jenis hikayat yang disadur dari kesusasteraan Arab, khususnya cerita-cerita tentang Nabi Muhammad SAW.

Walau bagaimanapun, gerakan pembaharuan dalam sastera Melayu dan kritikan terhadap warisan lama telah menimbulkan satu pemberontakan terhadap budaya Melayu lama sehingga kaum sasterawan Melayu tidak lagi mencari ilham penulisan daripada sumber budaya yang berteraskan Islam (Ismail Hamid, 1990:122). Agama Islam tidak dijadikan wahana atau dasar pengungkapan kesusasteraan Melayu baik dalam era pramerdeka atau pascamerdeka. Pengaruh teori-teori dari Barat menenggelamkan peranan agama Islam itu sendiri.

Jelasnya, modenisme telah menyaksikan penolakan terhadap Islam dalam bidang kesusasteraan Melayu, sebagaimana modenisme yang meminggirkan ajaran moral dan mendatangkan kemusnahan hidup dalam masyarakat Eropah pada awal abad ke-20. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah berubah menjelang tahun-tahun 1970-an apabila keinginan untuk kembali kepada Islam itu mula kedengaran. Ustaz Yusof Zaky Yaacob, Shahnnon Ahmad, Uthman ElMuhammady dan Mohd Kamal Hassan adalah di antara tokoh penting di sebalik pemugaran sastera Islam.

Ekoran gesaan itu beberapa seminar dan kolokium tentang sastera Islam diadakan. Banyak faktor yang membantu situasi ini berkembang, antaranya kebangkitan Islam di Asia Tenggara, pengaruh gerakan Islam dari timur tengah dan kemunculan badan-badan berasaskan Islam di negara ini seperti ABIM, penglibatan kerajaan dan penubuhan institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (Shafie Abu Bakar, 2000:432).

Perkembangan ini merubah pendirian dan sikap ramai tokoh sastera Melayu yang sebelum ini sangat tebal dengan kesusasteraan Barat. Shahnnon Ahmad ialah tokoh terawal yang memisahkan diri daripada teori-teori Barat dan mengisytiharkan diri sebagai peminat serta penganut sastera Islam. Beberapa orang penyair tahun 1980-an seperti Kemala, Suhaimi Haji Muhammad juga telah beralih kepada puisi-puisi berunsur Islam.

Islam tidak lagi dilihat daripada sudut sempit yang terbatas kepada hukum fekah dan ibadat khusus semata-mata. Islam telah diyakini oleh ramai sarjana dan tokoh sastera Melayu pada waktu itu sebagai kemuncak pencarian yang mampu membawa khalayak

sastera ke makam ma'rifatullah. Kesusasteraan bagi orang-orang Melayu yang beragama Islam tidak dilihat atas sifat, bentuk dan struktur yang membina kesasteraanya semata-mata, tetapi berkait rapat dengan penanggungjawaban di sisi Penciptanya dalam dua hubungan, iaitu hubungan hamba (pengarang/sasterawan) sesama hamba dan hubungan hamba (pengarang/sasterawan) dengan Allah SWT.

Beberapa tokoh sastera Melayu seperti Ustaz Yusof Zaky Yaacob, Uthman El-Muhammady, Mohd Kamal Hassan telah merintis pemikiran yang bersifat teoretikal terhadap kesusasteraan Islam dengan memberi definisi-definisi yang tertentu terhadap kesusasteraan Islam. Yusof Zaky Yaacob misalnya, mengemukakan definisi kesusasteraan Islam sebagai sastera dakwah. Manakala Uthman El-Muhammady berpendapat kesusasteraan Islam adalah sastera Mukaddas, mohd Kamal Hassan pula berpendapat kesusasteraan Islam adalah sastera yang lahir daripada penulis yang komited dengan pandangan Islam dan sistem nilainya, manakala Ismail Ibrahim menyatakan sastera Islam ialah hasil tulisan yang berasaskan tauhid (Shafie Abu Bakar, 2000:432).

Shahnon Ahmad juga memasuki sempadan teoretikal dan dengan lebih serius membicarakan konsep kesusasteraan Islam secara mendalam menerusi bukunya yang berjudul `Kesusasteraan dan Etika Islam` (1981). Shahnon menegaskan bahawa kesusasteraan Islam itu adalah kesusasteraan kerana Allah dan berhikmah kepada manusia sejagat (Shahnon Ahmad,1981:3). Berdasarkan kepada sifat manusia sebagai hamba Allah (abdullah-abdullah), maka kita hanya menjalankan peranan kita dalam kegiatan sastera sebagai salah satu kegiatan tatahidup yang suci (Shahnon Ahmad, 1981:122).

Menyusuri pandangan-pandangan yang dikemukakan beberapa orang tokoh sastera Melayu ini, dapat dikesan aroma teoretikal yang mula membenih. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah kepadanan pandangan mereka yang dilandaskan secara sedar di atas asas agama Islam. Istilah-istilah Islam seperti dakwah, makaddas, tauhid dan hikmah ialah istilah-istilah Islam yang dipilih khusus bagi menggambarkan keislaman sastera daripada sudut

pengertiannya. Beberapa orang tokoh baharu yang telah memberi sumbangan besar kepada pembinaan teori sastera Melayu berlandaskan Islam selepas Shahnnon ialah Mohd Affandi Hassan, Shafie Abu Bakar dan Hashim Awang. tiga tokoh ini merangka gagasan teoretikal kesusasteraan Melayu di atas asas agama Islam. Mohd Affandi Hassan seawal wacananya telah menetapkan pendirian pada asas Islam. Katanya:

‘Kita sepatutnya memanfaatkan segala hasil sastera dunia yang terbaik dalam satu kurikulum pendidikan estetika yang menyeluruh, yang asasnya ialah nilai-nilai mutlak daripada ajaran tauhid. Dengan itu, perbincangan tentang sastera Islam akan lebih jelas, lebih terarah kepada memahami worldview Islam dalam kesenian dengan pendekatan tauhid ini.’

(Mohd Affandi Hassan.1992:4)

Untuk memastikan gagasan pendidikan estetikanya benar berada atas asas Islam, Mohd Affandi mentakrifkan pendidikan estetika itu sebagai pendidikan adab yang merangkumi tiga aspek kehidupan manusia (Mohd Affandi Hassan.1992.9). Jelasnya, kesusasteraan menjadi bahan, pendidikan, manakala pendidikan pula sebagai alat dan adab Islam sebagai matlamat estetika. Jadi pendidikan estetika dalam pengertian yang dimaksudkan itu akan meneliti karya sastera daripada segi maknanya kepada pembentukan kehidupan manusia yang beradab (Mohd Affandi Hassan.1992.9).

Apabila menghubungkan konsep pendidikan estetika ini, maka akan ditemui bahawa ia terasas atas asas estetika Islam. Bukhari dalam periwayatannya mengemukakan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ‘bahawasanya Allah itu Indah. Dia sukakan Keindahan’. Dalam satu maksud serangkap syair Arab ada menyebut;

`Kecantikan (keindahan) seseorang itu bukanlah kerana perhiasannya, tetapi sesungguhnya kecantikan itu adalah kecantikan kerana ilmu dan adab sopan`

(Mohd Kamal Hassan.1979:39)

Jelasnya, konsep estetika dalam gagasan teoretikal Mohd Affandi ini berlandaskan kepada estetika Islam yang mengandungi unsur-unsur dan gambaran Keindahan Allah SAW yang tergambar daripada sifatsifat-Nya seperti Jamal (indah, keindahan), Nazif (bersih), Karim

(Mulia) dan sifat afal-Nya seperti Tayyib (bagus, baik), Jawad (dermawan), Rahmat (Kurnia) yang semuanya menunjangi segala unsur keindahan di dunianya. Tidak syak lagi, Mohd Affandi meletakkan gagasan pendidikan estetika pada asas Islam, yang terjelma daripada sumbernya hakiki iaitu al-Quran yang penuh kebenaran dan menyakinkan. Takrif estetika yang diberikan ini berbeza daripada konsep estetika yang difahami oleh sarjana Barat. Sarjana Barat memahami estetika (aesthetica) sebagai sesuatu yang berhubung dengan `keindahan` atau `beautiful` yang tidak berpijak pada mana-mana sumber dan asas yang kukuh. Mohd Affandi juga membahas fungsi kesusasteraan daripada pandangan Barat dan Islam. Menurut Mohd Affandi;

`kesusasteraan Barat lebih mementingkan aspek fictionality, sifat khayalan dan imajinatif, rekaan dan `ciptaan` manusia yang berbakat seni. Konsep fictionality ini adalah lanjutan daripada konsep Mimesis, peniruan tentang alam: dengan itu seni dalam konteks ini sifatnya representational.`

(Mohd Affandi Hassan,1992:24).

Sebaliknya, Mohd Affandi beranggapan bahawa kesusasteraan dalam Islam ialah sejenis amal manusia yang menggunakan daya kreatif (bakat yang diamanahkan) dicipta

dengan menggunakan bahasa yang indah dan teknik yang berkesan untuk memberi makna yang sedalam-dalamnya tentang hakikat insan dan hakikat ilmu serta amal (Mohd Affandi Hassan,1992:25). Jelasnya, Mohd Affandi menolak teori estetik Barat yang dianggap sebagai gagal membawa manusia mengenal hakikat diri dan Penciptanya. Kesusasteraan juga sebagaimana amal-amal yang lain mestilah dijuruskan kepada pengabdian kepada Allah. Itulah yang semestinya dilakukan oleh para penteor, sasterawan, penulis, khalayak dan segala kegiatan kesusasteraan itu. Pandangan Mohd Affandi dapat disandarkan kepada Firman Allah SWT dalam Surah Adz- Dzaariyaat ayat 56, bermaksud,

‘Tidak Aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka mengabdikan diri hanya kepada Allah’

Justeru itu, fungsi kesusasteraan Barat tersasar daripada tujuan asal manusia (termasuk penteor/ sasterawan/ penulis/ khalayak) itu dijadikan. Teori kesusasteraan Barat tidak dapat menghubungkan seni sastera dengan hakikat tauhid sebagaimana yang dituntut oleh ajaran agama Islam. Oleh kerana itu, Mohd Affandi menjelaskan bahawa ‘Seniman Islam berkarya untuk menyembah Allah, manakala seniman Barat berkarya untuk menyembah hasil seni atau hawa nafsunya (Mohd Affandi Hassan, 1992:25).

Teori Takmilah juga digerakkan atas asas agama (Islam). Prinsip asas teori ini ialah tauhid. Tauhid ialah paksi yang mencirikan keislaman dan membezakannya daripada agama dan peganganpegangan yang lain (Shafie Abu Bakar, 1995:133). Tauhid menjadi pusat yang mengembalikan segala tindak tanduk, pengucapan dan niat seseorang Islam. Tauhid juga yang memancarkan sinar keislaman daripada sebarang perilaku, tindakan dan perbuatan seseorang manusia. Al Faruqi (1982) menyebutkan, bahawa tauhid memenuhi kesedaran orang Islam yang obses dalam sublimasinya. Shafie menyandarkan asas teorinya pada prinsip Islam yang paling asas ini. Bagi Shafie, falsafah ketauhidan yang diyakini ini ialah falsafah yang benar, pasti, jelas

daripada suatu realiti yang hakiki terjelma dalam pendekatan ilmu, seni dan sasteranya. Menurut Sarwar (1976) prinsip inilah yang sepatutnya menjadi kerangka segala pendekatan Keislaman.

Shafie mengemukakan istilah `takmilah` bagi melengkapi makna harfiah teori kesusasteraannya yang berlandaskan agama Islam itu. Takmilah membawa maksud menjadikan lebih sempurna (Shafie Abu Bakar.1997:129). Shafie menggunakan istilah ini bagi melihat pada tahap awal bahawa sastera dan lebih luas seni yang amat menekankan keindahan (estetika). Puncak keindahan yang dilihat oleh teori ini ialah keindahan yang menjadi satu sifat dalam zat Allah SWT (al-Jamal) itu sendiri.

Berdasarkan kepada istilah takmilah, Shafie percaya bahawa semua proses kepengkaryaan (pengkarya, karya dan khalayak) adalah satu proses menuju kepada kesempurnaan. Kesempurnaan kepengkaryaan dalam konteks Islam boleh kita fahami sebagai segala perilaku, niat dan pengucapan yang terlibat dan dilibatkan dalam proses kepengkaryaan itu akhirnya menuju dan dituju atau mengarah kepada sentral Islam iaitu tauhid.

Kesusasteraan dalam rangka tauhid adalah sama kedudukannya dengan ilmu-ilmu lain yang tidak terkeluar daripada bidang keislamannya. Ini bermakna rentak dan lenggang lengguk kesusasteraan harus dikawal supaya berada atas asas yang betul dan selari dengan tuntutan tauhid. Sebarang percanggahan dengan akidah, hukum, perundangan dan nilai-nilai keislaman, sesungguhnya bertentangan dengan prinsip tauhid (Shafie Abu Bakar, 1997:131).

Bagi menghalusi dan memakna teori ini agar berfungsi sebagai sebuah teori kritikan sastera Islam, Shafie mengemukakan beberapa prinsip teori sebagai asas kritikan. Prinsip-prinsip tersebut ialah prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip Kerasulan yang bersifat Kamil, Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri yang bercirikan estetika dan bersifat takmilah, prinsip pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan prinsip khalayak yang bersifat memupuk sifat insan kamil (Shafie Abu Bakar,1997.131).

Dalam hubungan ini, teori Takmilah bertindak dengan dua peranan yang amat akrab iaitu menghubungkan segala aspek yang terlibat dalam proses kepengkaryaan dengan Allah. Keindahan yang terjelma dalam karya sastera seharusnya menjurus kepada keindahan yang hakiki supaya sifat kesusasteraan itu kelihatan sempurna. Shafie menjelaskan bahawa peranan tersebut saling sokong menyokong dan lengkap melengkapkan serta tidak boleh dipisahkan (Ungku Maimunah, 1997:10).

Teori Takmilah mengunjur kedudukannya atas asas Islam dalam rangka falsafah ketauhidan yang bertaut dan ditauti beberapa sifat Allah seperti Kamal, Jamal, Alim, Qadir, Qahhar dan Jalal, kemudian melewati sifat-sifat Rasul, Islam dan ilmu lalu menyerap masuk ke setiap ruang amalan kesusasteraan (yang melibatkan pengkarya, karya dan khalayak). Praktis kritiknya pula mengunjurkan satu `perjalanan pulang` daripada amalan kesusasteraan (yang melibatkan pengkarya, karya dan khalayak) ke peringkat ilmu, agar ilmu kesusasteraan itu bermanfaat dan bersifat benar, kemudian menyesuaikan diri di peringkat kerasulan, agar pengkarya atau khalayak mencapai tahap insan Kamil dan akhirnya bertaut pada ketauhidan yang menjadi kemuncak kesempurnaannya.

Memahami teori Takmilah, pembaca akan dapat mengenal pasti dan mengetahui peranan falsafah ketauhidan (sebagai bedrock of Islam) dalam aktiviti kesusasteraan. Teori Takmilah memberikan kejelasan arah tujuan dan matlamat kepada kesusasteraan itu sendiri (Ungku Maimunah, 1997:21).

Memahami gagasan Pendidikan Estetika dari Pendekatan Tauhid oleh Mohd Affandi dan Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar, maka dapat dirumuskan bahawa tauhid ialah `jalan pulang` yang sebenar kepada seluruh kegiatan kesusasteraan. Dua buah teori ini membentangkan asas pemikiran yang seiring dengan tuntutan Islam. Setelah sekian lama kesusasteraan Melayu kehilangan jiwa Islamnya, kedua-dua tokoh ini tampil untuk mengembalikan semula jiwa itu kepada tempat asalnya. Menurut Mohd Affandi (1992) jiwa Islam itu hilang apabila berlaku

sekularisasi sastera secara besar-besaran, terutamanya selepas Perang Dunia Kedua.

Dapat disimpulkan bahawa Shafie Abu Bakar dan Mohd Affandi Hassan mempunyai matlamat kesusasteraan yang bersifat ibadah, berpahala dan bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT. Itulah matlamat akhir daripada keseluruhan kegiatan kesusasteraan yang mereka inginkan, sejajar dengan konsep pengabdian diri manusia di sisi Allah. Firman Allah dalam Surah Adz- Dzaariyaat ayat 56, bermaksud;

‘Tidak Aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka mengabdikan diri hanya kepada Allah’

Sebuah lagi teori kesusasteraan Melayu yang turut mengambil nilai Islam sebagai asas pembinaannya ialah teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua pengkaedahan sebagai substance yang penting iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Dalam tiap-tiap pengkaedahan ini terdapat pula pendekatan-pendekatan yang menunjuk jalan teoretikalnya. Meskipun teori ini disebut dengan nama pengkaedahan Melayu, namun persoalan agama Islam turut dilibakant secara sepadu. Ada dua asas yang menjadi tempat teori berkerja bagi mendekati dan menyelongkari teks kesusasteraan Melayu, iaitu nilai Melayu dan nilai Islam yang ditautkan pada konsep alamiah.

Memahami kesusasteraan Melayu bagi Hashim Awang memerlukan pengkritik mengamati teks dengan cara mendalami sosiobudaya dan sistem hidup masyarakat Melayu itu sendiri termasuk agama Islam yang dianuti. Faktor-faktor alamiah banyak menyumbang kepada pembentukan nilai dan citra, budi dan jati diri orang-orang Melayu serta keintiman mereka dengan kehidupan di sekelilingnya. Hasil keintiman itulah lahirnya pengungkapan-pengungkapan estetik yang tinggi nilainya. Paling ketara pengucapan dan reaksi ini ditimbulkan dalam pelbagai bentuk sastera moden, sastera yang lebih bebas, tetapi tetap

memelihara unsur-unsur keindahan dalam nada kias ibarat (Hashim Awang, 1997:118).

Sebagai seorang Melayu yang beragama Islam, pengucapan-pengucapan ini harus dihubungkan dan dikaitkan dengan agama Islam yang menjadi anutan kepercayaan orang-orang Melayu itu. Kedua-dua unsur ini pada Hashim, merupakan *track* utama untuk melihat, menghayati dan memahami kesusasteraan Melayu itu sendiri. Sebagaimana Mohd Affandi Hassan dan Shafie Abu Bakar, Hashim Awang juga menetapkan matlamat teori dan praktis kritikan berasaskan pengkaedahan Melayu ini, iaitu supaya dapat menonjolkan dengan lebih benar penelitian dan pemahaman bercirikan sastera Melayu (Hashim Awang, 1997:124).

Asas Nilai Jati Diri Melayu

Terdapat sebuah teori sahaja iaitu teori Puitika Sastera Melayu janaan Muhammad Haji Salleh yang jelas menampakkan pembinaan teori berasaskan nilai-nilai Melayu sepenuhnya. Sandaran teks kajian Muhammad Haji Salleh ialah karya puisi tradisional, khususnya pantun serta karya prosa tradisional yang terdiri daripada karya hikayat dan penglipur lara.

Muhammad percaya bahawa keindahan sastera Melayu mempunyai kaitan akrab dengan etos, budaya, pandangan hidup, sejarah, alam sekitar dan lingkungannya (Sahlan Mohd Saman, 1997:194). Dengan kepercayaan ini, Muhammad membentangkan landasan penelitian teks sastera Melayu yang menyekalikan pandangan Semiotik, Formalisme dan Sejarah iaitu dengan memberi kepentingan terhadap semua aspek dalaman dan luar teks serta aspek strukturalnya. Muhammad menghampiri konsep yang disebut oleh Eagleton (1990) *'conceptions of the unity and integrity of the art'*. Pada tahap ini, Puitika Melayu akan membantu pengkritik meneroka karyakarya Melayu bagi tujuan mengangkat nilai estetik teks sastera Melayu, di samping mencari makna di sebalik keestetikasian itu dengan hubungan-hubungan yang berada di luar teks seperti budaya, sikap, pandangan hidup, sejarah dan alam sekitar masyarakat Melayu itu sendiri.

Sifat `kemelayuan` teori Puitika Sastera Melayu kuat mendominasi idea utama Muhammad. Daripada sumber teks sastera Melayu tradisional ini jugalah Muhammad merumuskan keindahan sastera Melayu kepada beberapa ciri berikut;

- a. keindahan dalam mengajar atau mendidik
- b. keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan
- c. keindahan dalam penceritaan
- d. keindahan dalam rasa
- e. keindahan yang asli

Selain teori Puitika Sastera Melayu, teori Pengkaedahan Melayu juga mengambil nilai-nilai Melayu sebagai asas pembinaannya. Keunggulan nilai orang Melayu ialah kebijaksanaan. Nilai kebijaksanaan ini berpaksi pada enam perkara iaitu cakerawala, firasat, kesihatan manusia, mimpi dan gerak laku manusia dan perumahan. Kehebatan manusia Melayu dalam semua lapangan hidup itu dibuktikan oleh Hashim Awang menerusi penelitiannya terhadap kitab Taj al-Muluk yang menghimpunkan segala rahsia ketinggian nilai kehebatan dan kebijaksanaan orang Melayu. Daripada kitab Taj al-Muluk itu dirumuskan kerangka konseptual mengenai `world view` Melayu. Untuk memahami world view Melayu yang terisi dengan segala nilai kebijaksanaan ini, Hashim mengemukakan pengkaedahan alamiah dengan tiga kaedah kritik iaitu kaedah gunaan, kaedah firasat dan kaedah moral sebagai jalan teoretikalnya.

KESIMPULAN

Analisis deskriptif yang dibuat menunjukkan bahawa nilai-nilai Islam dan nilai-nilai Melayu merupakan asas terpenting yang menunjangi pemikiran para penteorinya bagi membina kerangka teori. Daripada inti pemikiran dan kerangka teori yang dibina ini juga dapat dikesan kecenderungan penteorinya untuk memahami khalayak tentang makna kesusasteraan dalam perspektif Melayu-

Islam berbanding perspektif Barat. Selain itu, dapat dibuktikan bahawa terdapat singnifikasi hubungan di antara kesusasteraan dengan Islam dan nilai Melayu, terutama daripada segi untuk memahami kondisi, fungsi dan matlamat kesusasteraan itu sendiri di sisi Islam dan di sisi world view Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2001). `Beberapa Tanggapan Terhadap Perkembangan Teori Kesusasteraan Tempatan`. *Kertas Kerja*. Seminar Kritikan Sastera Melayu Serantau pada 23–26 September 2001 di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur.
- Ahmad Kamal Abdullah et al. (1990). *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. (Jilid II), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bressler. C. E. 1999 (2nd Edition). *Literary Criticism*. New Jersey: Prentice Hall.
- Eagleton, T. (1988). *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1997). `Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Melayu` Dalam Mana Sikana (Pngr). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hamid. (1990). *Asas Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jefferson, A. & Robey, D (1988). *Teori Kesusasteraan Moden* (Terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Kamal Hassan. (1981). `Konsep Keindahan Dalam Islam dan Hubungannya Dengan Seni dan Sastera: Satu Pandangan Umum`. *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: Terbitan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rahman Shaari. (1994). *Kritikan Sastera Melayu: Pendekatan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd Saman. (1997). `Teori Sastera Islam: Satu Perbandingan` Dalam Mana Sikana (Pngr). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Terbitan UKM.
- Shafie Abu Bakar. (1997). `Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip` Dalam Mana Sikana (Pngr). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (2000). `Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam` Dalam A.Aziz Deraman & Taib Osman (Pngr). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1995). `Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid`. Dalam S.Jaafar Husin (Pngr). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (1997) `Shafie's Abu Bakar Teori Takmilah: Malaysia's Islamic Framework For Literary Appreciation and Evaluation`. *Kertas Kerja*. Malaysia Society Colloqium, di Australian National University, 22-23 November 1997.